

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI ISNIN, 1 APRIL 2024, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 9

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1531-L10922
Senator Datuk Dr. Haji Azhar bin Ahmad minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dirancang oleh pihak Kerajaan dalam membantu golongan di kawasan luar bandar bagi mengukuhkan lagi sektor komoditi terutamanya getah dan kelapa sawit dalam menghadapi cabaran ekonomi untuk tahun 2024.
2. PN-1531-L10947
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah pendapat Kementerian terhadap mewujudkan konsep bandar *Sponge city* yang dikatakan dapat mengekalkan, membersihkan dan menggunakan semula air hujan secara efektif serta mengelakkan daripada masalah banjir di Malaysia.
3. PN-1531-L11359
Senator Datin Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik bilangan kes sekatan perjalanan yang diambil oleh pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) kepada individu atau pembayar cukai apabila mereka gagal memperbaharui passport di pejabat Jabatan Imigresen Malaysia.
4. PN-1531-L11269
Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sejauh mana Garis Panduan Mengurus Murid Berisiko Cicir di Sekolah (GPMBC) dapat mengatasi masalah keciciran murid khususnya sekolah-sekolah di kawasan luar bandar dan pedalaman.

5. PN-1531-L11325
Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan penjelasan Kerajaan yang tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Ekonomi Gig Malaysia sekaligus bakal menjejaskan 140 platform ekonomi gig yang beroperasi di negara ini dan lebih 200,000 periuk nasi pekerja ekonomi gig.
6. PN-1531-L11308
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan status Projek Empangan Nenggiri dan apakah jaminan Kerajaan pembinaan empangan itu tidak menimbulkan ancaman serta masalah khususnya kepada masyarakat Orang Asli.
7. PN-1531-L11077
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan bilangan dan perancangan serius Kerajaan bagi meningkatkan kapasiti upaya program usahawan wanita, graduan IPT dan lepasan institut kemahiran yang dilatih dan ditaja oleh MARA dalam memastikan pertumbuhan janaan pendapatan rakyat MADANI dari 2018 hingga 2025.
8. PN-1531-L10891
Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan berapakah jumlah pelaburan yang telah berjaya dimeterai oleh Kerajaan di sepanjang tahun 2023 serta berapakah jumlah pelaburan yang telah diluluskan, direalisasikan dan dibatalkan pada tahun tersebut.
9. PN-1531-L10737
Senator Tuan Seruandi bin Saad minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan sejauh manakah pihak Kementerian dalam menilai semangat perpaduan yang memuaskan di negara kita dan adakah terdapat indeks rasmi yang boleh digunakan untuk menunjukkan kejayaan kecintaan rakyat kepada negara.
10. PN-1531-L10651
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah perancangan dan strategi JAKIM dalam berhadapan dengan kelompok tertentu yang menggunakan politik kebencian dengan menjadikan agama sebagai landasannya sehingga sanggup menjadikan isu politik sebagai paksi akidah yang mewajarkan orang Islam yang tidak menyokong mereka sebagai 'melawan Islam'.

11. PN-1531-L11281
Senator Dr. Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk menguatkuasakan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sepanjang bulan Ramadan memandangkan harga barangan yang semakin meningkat.
12. PN-1531-L11049
Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah usaha proaktif yang boleh mengembalikan keyakinan umum terhadap kredibiliti kepolisan para anggota PDRM yang terpalit dengan pelbagai bentuk salah laku yang menjelikkan dan bagaimanakah peranan Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) dapat dimainkan secara konstruktif ke arah menjayakan reformasi PDRM.
13. PN-1531-L11144
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah terdapat sebarang kajian yang telah dibuat berkaitan migrasi penduduk luar bandar ke bandar di Malaysia dan impak perkara tersebut kepada kewujudan penempatan desa. Apakah usaha pihak Kementerian dalam menangani isu ini.
14. PN-1531-L10917
Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status pencapaian Program *Social Synergy* yang telah dilancarkan oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) semenjak tahun 2017 dan berapakah bilangan pemohon untuk program tersebut sejak lima (5) tahun kebelakangan ini serta berapakah kadar permohonan yang berjaya dan jumlah nilai bantuan yang telah diluluskan.
15. PN-1531-L11236
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kuota yang diperuntukkan untuk pelajar dari keluarga berpendapatan rendah untuk diterima masuk ke Sekolah Berasrama Penuh (SBP).
16. PN-1531-L11378
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil untuk membantu golongan M40 dalam menghadapi isu kos sara hidup yang semakin meningkat.

17. PN-1531-L10814
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian agar tiada lagi kanak-kanak yang tercicir daripada mendapatkan pendidikan wajib sekolah rendah di negara ini terutamanya kanak-kanak dan ibu bapa tempatan yang tiada dokumen diri kewarganegaraan.
18. PN-1531-L11229
Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan yang akan diambil bagi mengekang kemerosotan nilai ringgit.
19. PN-1531-L11155
Senator Datuk Seri Hajah Zurainah binti Musa minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan usaha terkini yang telah dibuat dalam tempoh enam (6) bulan yang lepas untuk membantu pihak Palestin khususnya di Gaza memandangkan situasi dan kejadian genosid yang semakin parah ekoran tindakan Kerajaan Israel.
20. PN-1531-L10863
Senator Tan Sri Datuk Seri Panglima Anifah Bin Aman minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah status proses penyelarasan gaji untuk penjawat awam susulan pengumuman pemberhentian pencen untuk semua penjawat awam baru Kerajaan berstatus tetap.
21. PN-1531-L10795
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perancangan Kerajaan dalam membendung keculasan warga asing yang gagal membayar bil hospital dan apakah tindakan tegas yang wajib dilaksanakan terhadap majikan mereka.
22. PN-1531-L11025
Senator Dato' Sri Ti Lian Ker minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah hasil atau tindakan Kementerian berikutan dengan penelitian semula ke atas syarat yang menetapkan pemaju perumahan swasta untuk membina sekurang-kurangnya 30 peratus rumah mampu milik dalam setiap projek mega yang dibangunkan sejak 1981 tetapi tidak diambil perhatian oleh pihak pemaju.

23. PN-1531-L10835

Senator Dato' Abdul Halim Bin Suleiman minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk merangka polisi bagi membendung ketirisan subsidi bagi barangan keperluan asas yang turut dinikmati oleh warga pendatang asing.

24. PN-1531-L11125

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan Kerajaan untuk menangani masalah pelarian dan pemohon suaka di Malaysia yang telah menimbulkan pelbagai masalah dan menyebabkan kegusaran dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya mereka yang tinggal di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Johor.

25. PN-1531-L11202

Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan terkini berkaitan hab benih dan baka yang dilaksanakan bagi memperkukuh industri benih tempatan dan sama ada hab tersebut merangkumi baka padi huma/darat seperti peruntukan subsidi yang telah diluluskan dalam Belanjawan 2024.

26. PN-1531-L10712

Senator Datuk Mohd Hisamudin bin Yahaya minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian merancang untuk menjadikan peruntukan khas RM5 juta kepada Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) yang diumumkan oleh Perdana Menteri sebagai dana tahunan bagi memajukan bidang bola sepak negara supaya kita mampu bersaing dengan negara-negara kuasa besar yang lain di pentas dunia.

27. PN-1531-L10728

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kebakaran yang berpunca daripada mercun sejak awal tahun 2024 dan pelan tindakan Kementerian untuk memperketatkan perundangan berkaitan mercun.

28. PN-1531-L11099

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah usaha-usaha Kerajaan dalam membantu pengusaha tempatan terutamanya usahawan kecil di desa dan luar bandar dalam mempromosikan produk mereka di peringkat yang lebih tinggi.

29. PN-1531-L11351
Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Lebuhraya *West Ipoh Span Expressway* (WISE) dan lapangan terbang baru akan dilaksanakan di negeri Perak dan apakah statusnya sekarang.
30. PN-1531-L11014
Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan pandangan dan keyakinan Kerajaan terhadap pemain industri perkayuan yang bersedia untuk mematuhi Peraturan Produk Bebas Penebangan Hutan Kesatuan Eropah (EUDR) apabila peraturan tersebut akan mula dikuat kuasakan pada 30 Disember 2024.
31. PN-1531-L10848
Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-
- (a) adakah pihak Kerajaan berhasrat untuk meneroka pasaran perdagangan baharu dengan negara-negara Afrika atau Amerika Selatan bagi meningkatkan prestasi pelaburan negara; dan
 - (b) apakah sektor pelaburan yang ingin difokuskan oleh pihak Kementerian dalam pasaran negara tersebut.
32. PN-1531-L10680
Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kajian yang dijalankan baru-baru ini didapati kira-kira 500,000 kanak-kanak dibawah umur lima (5) tahun mengalami kadar tumbesaran yang terbantut. Keadaan ini akan menjadi lebih kritikal dalam tempoh sepuluh (10) tahun akan datang. Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.
33. PN-1531-L10778
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan apakah status permohonan bagi pembinaan menara telekomunikasi di Kampung Pulau Kempas, Banting, Selangor yang telah dihantar pada tahun 2020 dan nyatakan senarai statistik pembinaan menara komunikasi di seluruh negara.

34. PN-1531-L11239

Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara terperinci langkah-langkah yang diambil untuk memerangi penyakit kanser bagi mendepani cabaran peningkatan dua kali ganda kes kanser di Malaysia menjelang tahun 2040.

35. PN-1531-L11422

Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah jenis bantuan yang telah diterima oleh usahawan di Sabah dan Sarawak setakat ini.

36. PN-1531-L11060

Senator Dato' Kesavadas A/L A.Achyuthan Nair minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan kos perolehan serta syarikat pembekal yang terlibat dalam pembekalan 4 buah *Fast Interceptor Craft (FIC) G2000 Mk II* dan apakah kelebihan bot-bot pemintas laju tersebut berbanding bot-bot pemintas yang digunakan selama ini dalam operasi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

37. PN-1531-L11129

Senator Prof. Tan Sri Datuk Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan langkah dan strategi Kerajaan dalam konteks pendidikan inklusif berkenaan tahap perkhidmatan berbanding keperluan untuk pendidikan khas dan apakah cabaran Kementerian dalam menyediakan akses, sumber, dan sokongan yang cukup bagi pelajar keperluan khas.

38. PN-1531-L11165

Senator Tan Sri Haji Mohamad Fatmi bin Che Salleh minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah negeri yang belum menandatangani Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 [Akta 672] dan apakah alasan keadaan itu berlaku.

39. PN-1531-L10691

Senator Datuk Haji Aziz bin Ariffin minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan apakah perancangan strategik Kementerian bagi menangani masalah kenaikan harga barangan yang membawa kepada kesan inflasi sehingga mengakibatkan kuasa membeli pengguna kian mengecil yang akan menjejaskan usaha ke arah pemulihan ekonomi negara.

40. PN-1531-L10749
Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah cabaran negara dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) dan apakah strategi yang digunakan untuk mengatasi cabaran tersebut.
41. PN-1531-L10960
Senator Dato' Sivaraj A/L Chandran minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan mempertimbang untuk mengurangkan kenaikan *Sales and Service Tax* (SST) kepada 8 peratus pada Belanjawan 2025 memandangkan penurunan nilai mata wang Ringgit dan kemelesatan ekonomi yang akan membebankan kewangan rakyat sekiranya kenaikan SST diteruskan.
42. PN-1531-L11132
Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan pendirian dan tindakan Kerajaan Malaysia untuk mencari penyelesaian ke atas tuntutan bertindih terhadap Kepulauan Spratly.
43. PN-1531-L10827
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah usaha Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) untuk memasarkan hasil-hasil pertanian pekebun kecil bagi mengatasi masalah hasil pertanian pekebun kecil yang kurang terjual dan sukar mendapatkan pembeli.
44. PN-1531-L10993
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan produk pelancongan di seluruh negara bertambah.
45. PN-1531-L10826
Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan :-
- (a) statistik jumlah rumah panjang dan kampung-kampung di Sarawak dan berapakah kampung yang mempunyai Tuai Rumah atau Ketua Kampung yang belum diiktiraf oleh Kerajaan serta punca dia tidak diiktiraf; dan
 - (b) apakah prosedur bagi Tuai Rumah atau Ketua Kampung untuk diiktiraf oleh Kerajaan.

46. PN-1531-L10896

Senator Datuk Lim Pay Hen minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan sejauh manakah tindakan *Sime Darby Plantation* sebelum ini yang mengumumkan pekerja ladang akan diberi gaji bermula dari RM3,000 telah berjaya menarik minat pekerja tempatan untuk menyertai industri perladangan dan apakah usaha Kerajaan bagi menarik penyertaan syarikat gergasi lain untuk bersama menyertai inisiatif tersebut.

47. PN-1531-L11411

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah kelainan yang ditampilkan dalam pelaksanaan agenda Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI) yang diperuntukkan sebanyak RM128,030,000 bagi tahun 2024 dan bagaimanakah kelainan tersebut berupaya meningkatkan kemahiran pelajar sekolah dalam suatu subjek tanpa mengeneipkan kemampuan hakiki guru dalam aspek pengajaran.

48. PN-1531-L11086

Senator Dato' (Dr.) Arman Azha bin Abu Hanifah minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini rangka jangka panjang Kerajaan mengenai subsidi bersasar terhadap petani dalam menangani isu pengeluaran domestik.

49. PN-1531-L11036

Senator Dato' Ajis bin Sitin minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah pihak Kerajaan bercadang untuk menaik taraf pejabat daerah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) ke bangunan yang lebih baik dan bersesuaian.

50. PN-1531-L11327

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha bagi mengurangkan budaya merokok dalam kalangan rakyat Malaysia khususnya pertambahan perokok seawal usia remaja.

51. PN-1531-L11005

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan apakah garis masa penggabungan tiga puluh satu (31) agensi pelaburan yang akan diselaraskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang digariskan di dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030.

52. PN-1531-L10967
Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan status terkini enrolmen pelajar asing di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) atau Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) di negara ini serta apakah pelan tindakan Kementerian untuk menggalakkan lebih ramai pelajar asing mengikuti pengajian tinggi di negara ini.
53. PN-1531-L11390
Senator Dato' Sri Vell Paari A/L Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memperkembangkan fungsi Unit Transformasi Masyarakat India Malaysia (MITRA) seperti yang dilakukan Unit Pembangunan Ekonomi Masyarakat India (SEDIC) sebelum ini yang merupakan *one stop centre* bagi masyarakat India.
54. PN-1531-L10970
Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah perkembangan terkini berkenaan dengan penyelesaian tuntutan 40 peratus hasil bersih atau geran khas Sabah seperti yang termaktub dalam Perkara 112D, 112C dan Perenggan 24 Laporan Jawatankuasa Antara Kerajaan (IGC).
55. PN-1531-L11249
Senator Dato' Haji Husain bin Awang minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah proaktif pihak Kerajaan dalam menggalakkan petani melaksanakan cara pertanian lestari yang menepati myGAP.
56. PN-1531-L10662
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kementerian akan menggunakan *Electronic Medical Record (EMR) sepenuhnya serta berapakah kos yang akan dibelanjakan untuk tujuan tersebut.*
57. PN-1531-L11216
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan :-
- (a) apakah isu pengangguran dalam kalangan graduan pengajian tinggi termasuk lepasan PhD; dan
 - (b) usaha Kerajaan bagi menyesuaikan kurikulum pengajian tinggi dengan matlamat melahirkan graduan yang mampu mencipta peluang pekerjaan dan bukan hanya sekadar memenuhi pasaran kerja.

58. PN-1531-L10981

Senator Dato' Dr. Nelson A/L Renganathan minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk memberi geran kepada golongan B40 untuk menggalakkan mereka menceburkan diri dalam bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan jika ya, bagaimanakah cara untuk memohon bagi mendapatkan geran tersebut daripada agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).

59. PN-1531-L10670

Senator Dato' Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memastikan keselamatan makanan daripada perspektif pengeluar hingga pengguna dan adakah terdapat dasar-dasar tertentu yang sedang dipertimbangkan untuk meningkatkan kedaulatan makanan negara.

60. PN-1531-L10938

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah langkah yang sedang diguna pakai dalam menyalurkan subsidi diesel kepada nelayan masih relevan untuk dilaksanakan dan adakah terdapat kajian yang dibuat untuk merangka kaedah yang lebih efisien agar tidak ada sebarang ketirisan dalam pembahagian kuota subsidi diesel.

61. PN-1531-L11337

Senator Datuk Razali bin Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah pendirian dalam dasar Kementerian berkaitan penganjuran 'Majlis Graduasi Sekolah' yang menjadi rungutan ibu bapa dan penjaga yang sebahagiannya diadakan di hotel-hotel yang melibatkan kos dan tekanan kepada pelajar, ibu bapa dan penjaga.

62. PN-1531-L11372

Senator Datuk Teo Eng Tee @ Teo Kok Chee minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan usaha Kerajaan dalam menyelesaikan isu kanak-kanak tanpa taraf warganegara yang kini berada di Malaysia memandangkan bilangan ini telah melebihi 290 ribu orang.

63. PN-1531-L10636

Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan :-

- (a) peranan serta fungsi-fungsi Jawatankuasa HARMONI, Majlis Penasihat Perpaduan Negara (MPPN) serta Jawatankuasa Perpaduan (MExUnity); dan

- (b) adakah keahlian berdasarkan kepada kepakaran, dilantik mengikut kaum etnik atau cadangan dari setiap negeri.

64. PN-1531-L10873

Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membina Pusat Hemodialisis baru di Sarikei bagi mengatasi jumlah pesakit yang semakin meningkat dan masalah kekurangan mesin dialisis.

65. PN-1531-L10759

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan insentif yang dirancang oleh Kementerian untuk diberikan kepada penggiat industri penerbitan negara bagi merancakkan industri penerbitan negara seperti pelepasan cukai kertas bagi syarikat percetakan, pelepasan cukai bagi syarikat pracetak, dan insentif kepada pengedar/pekedai bahan terbitan.

66. PN-1531-L10786

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan status semasa kempen Menu Rahmah memandangkan ada sesetengah tempat tidak lagi menyediakan menu tersebut sebaliknya menaikkan harga menu sehingga terlampau mahal.

67. PN-1531-L11068

Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah pelajar di Institusi Latihan TVET sehingga Februari 2024 dan sejauh manakah keupayaan kandungan latihan TVET ini suai-ganding dengan teknologi dan kehendak pelabur serta pemain industri negara.

68. PN-1531-L11100

Senator Dato' Juhanis binti Abd Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah statistik terkini secara terperinci terhadap kes-kes penderaan domestik di Malaysia dan apakah tahap kesedaran rakyat Malaysia terhadap kes sebegini.

69. PN-1531-L11402

Senator Datuk Noraini binti Idris minta **MENTERI KOMUNIKASI** menyatakan strategi komunikasi yang telah dipersiapkan ke arah memperkasakan ketangkasan Kerajaan Persekutuan dalam menyampaikan penjelasan yang komprehensif mengenai sesuatu isu semasa khususnya yang melibatkan perihal perundangan yang boleh mencetuskan kefanatikan sentimen dan salah faham dalam kalangan rakyat.

70. PN-1531-L10908

Senator Dr. Lingeshwaran A/L Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan berapakah jumlah bilangan tawaran Ijazah Sarjana Muda dan Diploma di Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah dibuka pada tahun 2023 mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar serta berapakah pelajar yang telah menerima tawaran tersebut mengikut pecahan bangsa dan negeri asal pelajar.

71. PN-1531-L11260

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan terkini perancangan pelaburan di Kedah Rubber City (KRC).

72. PN-1531-L10721

Senator Datuk Dr. Dominic Lau Hoe Chai minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan perkembangan terkini rundingan *Ad Hoc Joint Task Force* antara Malaysia, Indonesia, dan Kesatuan Eropah mengenai isu pelaksanaan *European Union Deforestation Regulation (EUDR)* yang boleh memudaratkan pengeksportan kelapa sawit ke negara anggota Kesatuan Eropah.

73. PN-1531-L11197

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) statistik pendaftaran murid pra-sekolah antara tahun 2018 hingga 2023; dan
- (b) usaha yang dilakukan oleh Kementerian untuk menangani masalah keciciran murid di peringkat awal pra-sekolah.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.41/2023) Rang Undang-undang Kekebalan Bidang Kuasa Negara Asing 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R.4/2024) Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (2023) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

3. (D.R.5/2024) Rang Undang-undang (Penguntukan Semula Perbelanjaan) 2024 Perbekalan Peruntukan **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kewangan]

4. (D.R.6/2024) Rang Undang-undang Polis (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Dalam Negeri]

5. (D.R.39/2023) Rang Undang-undang Universiti dan Kolej Universiti (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pendidikan Tinggi]

6. (D.R.40/2023) Rang Undang-undang Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]

7. (D.R.38/2023) Rang Undang-undang Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Perdana Menteri]**
8. (D.R.37/2023) Rang Undang-undang Lembaga Lebuh Raya Malaysia (Permerbadanan) (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kerja Raya]**
9. (D.R.3/2024) Rang Undang-undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
10. (D.R.1/2024) Rang Undang-undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
11. (D.R.9/2024) Rang Undang-undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**
12. (D.R.10/2024) Rang Undang-undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**
- [Menteri Kewangan]**

13. (D.R.8/2024) Rang Undang-undang Keselamatan Siber 2024 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis Dewan Rakyat). **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Digital]

14. (D.R.35/2023) Rang Undang-undang Kualiti Alam Sekeliling (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

15. (D.R.2/2024) Rang Undang-undang Juruukur Tanah Berlesen (Pindaan) 2024 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam]

16. (D.R.28/2023) Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

17. (D.R.29/2023) Rang Undang-undang Bekalan Elektrik (Pindaan) 2023 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air]

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
(DEWAN NEGARA)**

<u>TAHUN 2023</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 206	Pembentangan Instrumen yang Diterima Pakai di Persidangan Buruh Antarabangsa di Mesyuarat Parlimen	1 April 2024
<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 15	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Ahli Geologi Malaysia Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 22	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Teknologis Malaysia Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 34	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 37	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 38	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 40	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Getah Malaysia (LGM) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 41	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MYIPO) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 42	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) 2009 (Pindaan) 2023 P.U. (A) 399/2023 diwartakan pada 27 Disember 2023	1 April 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 43	AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967 Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No.7) 2023 P.U. (A) 410/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	1 April 2024
ST 44	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 106/2023 diwartakan pada 31 Mac 2023	1 April 2024
ST 45	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) 2023 P.U. (A) 109/2023 diwartakan pada 4 April 2023	1 April 2024
ST 46	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang Yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 332/2023 diwartakan pada 2 November 2023	1 April 2024
ST 47	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Barang Yang Dikecualikan daripada Cukai) (Pindaan) (No.2) 2023 P.U. (A) 401/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	1 April 2024
ST 48	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Penentuan Barang Bernilai Rendah) 2023 P.U. (A) 403/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	1 April 2024
ST 49	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Kadar Cukai bagi Barang Bernilai Rendah) 2023 P.U. (A) 404/2023 diwartakan pada 28 Disember 2023	1 April 2024

<u>TAHUN</u> <u>2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH</u> <u>DIBENTANGKAN</u>
ST 50	AKTA CUKAI JUALAN 2018 Perintah Cukai Jualan (Orang yang Dikecualikan daripada Pembayaran Cukai) (Pindaan) (No.3) 2023 P.U. (A) 411/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	1 April 2024
ST 51	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) (No.3) 2023 P.U. (A) 409/2023 diwartakan pada 29 Disember 2023	1 April 2024
ST 52	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pindaan) 2024 P.U. (A) 10/2024 diwartakan pada 16 Januari 2024	1 April 2024
ST 53	AKTA EKSAIS 1976 Perintah Duti Eksais (Pembayaran Penyediaan Pracampuran) 2024 P.U. (A) 12/2024 diwartakan pada 16 Januari 2024	1 April 2024
ST 54	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 64/2024 diwartakan pada 26 Februari 2024	1 April 2024
ST 55	AKTA CUKAI PERKHIDMATAN 2018 Perintah Cukai Perkhidmatan (Kadar Cukai Perkhidmatan Digital) (Pindaan) 2024 P.U. (A) 67/2024 diwartakan pada 26 Februari 2024	1 April 2024
ST 56	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 58	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia Bagi Tahun 2021	1 April 2024

<u>TAHUN 2024</u>	<u>RISALAT/DOKUMEN</u>	<u>TARIKH DIBENTANGKAN</u>
ST 59	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Institut Akauntan Malaysia (MIA) Bagi Tahun 2021	1 April 2024
ST 62	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 63	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Niaga Malaysia (PERNAMA) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 64	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Perwira Harta Malaysia (PPHM) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 65	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2022	1 April 2024
ST 69	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC) Bagi Tahun 2022	1 April 2024